

08 JAN 2000

Raya-Rangkuman

UMAT ISLAM MENYAMBUT HARI RAYA PERTAMA ALAF BARU

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Umat Islam di seluruh negara hari ini menyambut Hari Raya dengan penuh meriah bermula dengan solat Aidilfitri dan diikuti dengan majlis rumah terbuka.

Hari Raya kali ini juga istimewa kerana ia pertama kali dirayakan di alaf baru ini dan dalam senario ekonomi yang semakin pulih.

Di Kuala Lumpur, Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Aishah dengan diiringi Perdana Menteri Datuk Dr Mahathir Mohamad menunaikan solat Aidilfitri di Masjid Negara bersama rakyat jelata.

Turut menunaikan solat Aidilfitri ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa orang Menteri dan duta asing.

Kebanyakan penghuni kota telah pulang ke kampung halaman masing-masing untuk merayakan Hari Raya bersama sanak saudara.

Sementara itu, wargakota, terutamanya daripada kalangan bukan Islam selain melawat rumah terbuka, juga mengambil peluang cuti Hari Raya untuk bersiar-siar dan "menikmati" jalanraya yang lengang.

Di KOTA BAHARU, Sultan Kelantan bersama umat Islam menunaikan solat Aidilfitri di Masjid Muhammadi di sini pada pukul 8.45 pagi. Yang turut berangkat menunaikan solat sunat itu ialah Raja Perempuan Kelantan, Tengku Anis Tengku Abdul Hamid.

Manakala Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengimamkan solat yang sama di Masjid Pulau Melaka, yang terletak bersebelahan rumahnya. Nik Aziz turut mengadakan rumah terbuka pada hari ini bermula selepas solat berkenaan sehingga pukul 6 petang.

Yang turut mengadakan rumah terbuka ialah Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah di rumahnya di sini bermula selepas solat hingga pukul 6 petang.

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Terengganu menunaikan solat Aidilfitri bersama kira-kira 6,000 orang umat Islam di masjid Al Muktafibilillah Shah Ladang hari ini sebelum berangkat ke istana terbuka di Istana Maziah.

Turut menunaikan solat Aidilfitri di masjid itu ialah Menteri Besar Haji Abdul Hadi Awang yang akan mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Kampung Rhusila, Marang.

Sambutan Hari Raya di Terengganu agak meriah berikutan keadaan cuaca yang baik walaupun dalam musim tengkujuh.

Di PERLIS, Raja dan Raja Perempuan Perlis berangkat menyertai rakyat jelata menunaikan sembahyang sunat Aidilfitri di Masjid Negeri, Arau sebelum berkenan menerima para pembesar dan rakyat jelata pada majlis rumah terbuka di Istana Arau.

Antara pembesar yang menghadiri rumah terbuka itu ialah Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim dan anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri dan cuaca yang cerah menceraiakan lagi sambutan.

Di KUCHING, Yang Dipertua Negeri Tun Ahmad Zaidi Adruce Muhammed Noor and isteri Toh Puan Rosmiati menyertai 12,000 muslimin bagi solat Aidilfitri di Masjid Jamek Negeri di Petra Jaya sebelum mengadakan rumah terbuka di Istana juga di Petra Jaya.

Turut serta bersolat Aidilfitri ialah Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri Puan Sri Laila Taib serta anggota-anggota Kabinet Negeri yang beragama Islam. Abdul Taib mengadakan rumah terbuka di kediamannya, Demak Jaya, di Jalan Bako.

Selain itu Menteri Pembangunan Industri Negeri Datuk Abang Johari Tun

Abang Openg mengadakan rumah terbuka di kediamannya di "Sri Minangkabau 11", Petra Jaya sementara Menteri Industri Pertanian dan Makanan Datuk Adenan Satem menerima kunjungan tetamu di kediamannya di Damai Jaya, di Jalan Santubong di sini.

Di SERI MENANTI, Yang Dipertuan Besar Tuanku Ja'afar dan Tunku Ampuan Tunku Najihah berkenan menunaikan solat sunat Aidilfitri bersama rakyat di Masjid Tuanku Munawir, Seri Menanti, pagi ini.

Selepas solat, baginda berdua berkenan menziarahi Makam Diraja berhampiran masjid berkenaan dan diikuti tahlil sebelum berangkat ke Istana Besar, Seri Menanti untuk majlis rumah terbuka dari pukul 10.30 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Negeri, Seremban dan kemudian mengadakan majlis rumah terbuka di kediaman rasminya di No.4, Jalan Tasik, Seremban dari pukul 10 pagi hingga 1 tengah hari.

Di PEKAN, Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah menyertai kira-kira 1,000 jemaah menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, Pekan. Turut serta ialah Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob dan Anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri.

Adnan kemudiannya meraikan orang ramai yang berkunjung ke majlis rumah terbuka yang diadakan di Dewan Konvensyen, Jalan Teluk Sisek di sini.

Di KOTA KINABALU, Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai dan Ketua Menteri Datuk Osu Sukam menyertai ribuan umat Islam untuk menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Negeri.

Sakaran dan isteri Toh Puan Hajah Siti Rukaiyah Panglima Abdullah kemudian mengadakan rumah terbuka di Istana Negeri dan Osu pula mengadakan rumah terbuka di Dewan Maksak di Likas yang turut dihadiri pemimpin negeri serta ribuan penduduk di sekitar ibu negeri.

Di ALOR SETAR, Sultan dan Sultanah Kedah, Raja Muda dan Menteri Besar Datuk Syed Razak Syed Zain bersama-sama kira-kira 3 ribu orang menunaikan sembahyang sunat Aidilfitri yang diimamkan oleh Imam Besar, Sheikh Roslan Abdul Halim Al-Hafiz di Masjid Zahir.

Sultan Kedah selepas itu berkenan menerima menghadap anggota kerabat diraja, pemimpin-pemimpin negeri dan ketua-ketua jabatan pada majlis rumah terbuka di Istana Anak Bukit.

Sementara itu, orang ramai mengambil kesempatan berhari raya di kediaman rasmi Syed Razak di Mentalon. Rumah terbuka itu diadakan dari pukul 11 pagi hingga 4 petang.

Di SHAH ALAM, Raja Muda Selangor Tengku Idris Shah menunaikan solat Aidilfitri bersama ribuan muslimin di masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah termasuk Menteri Besar Datuk Seri Abu Hassan Omar dan anggota-anggota Exco lain.

Selepas itu, Tengku Idris Shah mengadakan majlis rumah terbuka di Istana Bukit Kayangan di sini bermula pukul 10.20 pagi sementara Abu Hassan pula akan mengadakan rumah terbuka beliau di Bukit Megawati, Seksyen 7 dari 12.30 tengah hari hingga 6 petang.

Di PULAU PINANG, sambutan Aidilfitri bermula dengan Yang Dipertua Negeri Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir menunaikan sembahyang sunat Hari Raya di Masjid Negeri yang diimamkan oleh Imam Besar Masjid Negeri Ustaz Ahmad Hashim.

Hamdan kemudiannya mendengar khutbah raya yang disampaikan oleh Mufti negeri Datuk Hassan Ahmad sebelum bersalam-salaman dengan ribuan umat Islam.

Sementara itu, antara pemimpin yang menganjurkan majlis rumah terbuka pada hari raya ini ialah Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Hilmi Yahaya, Anggota Exco Kerajaan Negeri Datuk Azhar Ibrahim dan Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Yahya Abdul Hamid.

Di Melaka, Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin dan isteri Toh Puan Marfuza Sheikh Mohd Osman menyertai lebih 10,000 umat Islam menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Al-Azim, Bukit Palah di sini.

Turut sama ialah Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam, anggota-anggota exco dan para pegawai kanan Kerajaan Negeri.

Mohd Ali kemudiannya mengunjungi Shahabudin di majlis rumah terbuka di Istana Melaka, Bukit Beruang di sini.

Ketua Menteri pula kemudiannya menerima para tetamu di Seri Bendahara, Bukit Peringgit di sini pada majlis rumah terbuka beliau yang berlangsung dari pukul 11 pagi hingga dua petang ini.

-- BERNAMA

MOZ PR